

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN DAN HEBAHAN GERHANA BULAN SEPARA PADA
17 JULAI 2019 BERSAMAAN 14 ZULKAEDAH 1440H.**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Fenomena Gerhana Bulan Separa** akan berlaku pada **17 Julai 2019 bersamaan 14 Zulkaedah 1440H (Rabu)**. Maklumat mengenai gerhana tersebut adalah seperti berikut :

BIL	FASA	MASA
1	Fasa Penumbra Bermula (P1)	02:44 pg
2	Fasa Umbra Bermula (U1)	04:02 pg
3	Kemuncak Gerhana Bulan Separa	05:31 pg
4	Fasa Umbra Berakhir (U4)	07:00 pg
5	Bulan Terbenam	07:17 pg
6	Fasa Penumbra Berakhir (P4)	08:17 pg

3. Sehubungan dengan itu, disarankan seluruh umat Islam terutamanya di negeri Perak menunaikan solat sunat gerhana bulan, memandangkan Solat Sunat Gerhana Bulan ini adalah sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut).

4. Sebagai panduan, solat sunat gerhana dapat dilaksanakan bermula **jam 4.02 pagi** hinggalah **jam 7.00 pagi**.

5. Maka, Jabatan ini memohon jasa baik pihak YBhg. Dato' / Tuan untuk membuat hebahan kepada masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Negeri Perak agar mengadakan solat sunat gerhana bulan. Bersama-sama ini disertakan khutbah gerhana bulan bagi makluman dan tindakan YBhg. Dato' / Tuan.

Segala kerjasama daripada YBhg. Dato' / Tuan berkenaan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,wassalam.

Disediakan Oleh: Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak.